

Kagum lihat semangat sukarela Relasis UTHM

BATU PAHAT - Briged Relasis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerima pujian Timbalan Ketua Umno Bahagian Batu Pahat, Zaidi Japar yang kagum dengan pasukan itu kerana menjadikan kerja kebajikan dan aktiviti sukarela sebagai rutin.

Timbalan Ketua Umno Bahagian Batu Pahat, Zaidi Japar berkata, beliau diberitahu pasukan terbabit aktif dengan aktiviti luar termasuk bersama masyarakat dalam daerah ini.

“Terbaharu, 115 anggota serta pelajar UTHM ini bekerjasama dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Kampung Sri Belahan Tampok dan Balai Polis Rengit bergotong-royong membersihkan kawasan sekitar seperti balai raya, masjid dan surau, serta tanah perkuburan,” katanya.

Menurut Zaidi lagi, pasukan Relasis UTHM perlu dijadikan contoh pasukan badan beruniform lain.

Katanya, kegiatan sukarelawan mam-

pu mendidik individu lebih prihatin dalam membantu masyarakat sekeliling.

“Saya yakin anggota Relasis UTHM akan mampu menjadikan semangat berkenaan sebagai tunjang hidup mereka, mereka tidak akan berat tulang membantu.

“Sebab itu saya galak golongan muda aktif dalam apa juga penganjuran dan aktiviti melibatkan masyarakat, baik ia anjuran persatuan belia, badan beruniform, malah pemimpin politik,” katanya.



Antara anggota Relasis UTHM yang bergotong-royong membersihkan kawasan perkuburan di Kampung Sri Belahan Tampok.